

Manifesto BN sehaluan: PM

KUALA LUMPUR, Jumaat — Rakyat tidak akan berpeluang menikmati kemajuan dan kemakmuran jika keamanan serta kestabilan negara gagal diwujudkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, manifesto Barisan Nasional (BN) dalam pilihanraya umum, yang bertema 'Kestabilan, Keamanan dan Kemakmuran Malaysia' akan memastikan kehidupan rakyat yang lebih selesa dan maju.

"Saya harap rakyat akan terus yakin kepada BN kerana BN sudah berjaya membuktikan kemampuannya untuk membangunkan negara," katanya dalam sidang akhbar melancarkan manifesto itu, di sini hari ini.

Turut hadir ialah timbalannya, Encik Ghafar Baba; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu dan

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, manifesto itu dicetak dalam semua bahasa, termasuk tulisan Jawi dan dipersetujui oleh semua parti komponen.

"Walaupun bahasanya berbeza tetapi isu kandungannya tetap sama. Semua kaum yang diwakili oleh parti komponen BN akan dimaklumkan mengenai hasrat BN yang tidak berbeza itu.

"Ini menunjukkan kita ada satu tujuan dan tidak ada kekeliruan mengenai matlamat BN apabila ia menubuhkan kerajaan kelak. Kita tahu di mana kita hendak pergi dan cara pendekatan yang perlu dilakukan ke arah mencapai kemajuan yang lebih pesat," katanya.

Menurutnya, manifesto itu dibagikan kepada 15 perkara yang bertujuan mengingatkan rakyat bahawa keamanan, kestabilan dan kemak-

muran di negara ini tidak terjadi dengan sendirinya, "tetapi hasil pemerintahan BN yang dianggotai oleh orang sederhana."

Perdana Menteri berkata, BN percaya kepada tindakan menerusi rundingan yang jujur, mengamalkan demokrasi, mengetepikan tuntutan yang sempit dan memenuhi kepentingan negara.

Katanya, BN akan menjamin pengkalan hak bersuara rakyat, kebebasan media massa dan kehakiman, di samping meningkatkan pertanian, kesihatan, keagamaan, perpaduan, pentadbiran, hal-ehwal negara dan pendidikan.

"Memang ada media yang berpihak kepada kerajaan, tetapi ada juga media yang berpihak kepada pembangkang, termasuk majalah tempatan dan asing yang diedarkan tanpa sebarang sekatan walaupun ia kerap mengutuk kerajaan," katanya.